



**KENYATAAN MEDIA
LEMBAGA PEPERIKSAAN**

**PEPERIKSAAN
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA (SPM)
TAHUN 2020**

Peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) tahun 2020 akan dilaksanakan pada **22 Februari hingga 25 Mac 2021**. Seramai **401,105** calon telah mendaftar untuk menduduki peperiksaan SPM tahun 2020 di **3,310** pusat peperiksaan di seluruh negara. Bagi memastikan kelancaran pengurusan dan pengendalian peperiksaan SPM 2020, seramai **48,014** petugas peperiksaan telah dilantik.

Lembaga Peperiksaan ingin mengingatkan semua calon agar merujuk jadual waktu peperiksaan untuk mendapatkan maklumat mengenai tarikh, masa, kod dan kertas peperiksaan dan arahan yang perlu dipatuhi semasa peperiksaan berlangsung. Jadual waktu peperiksaan boleh dimuat turun dari portal rasmi Lembaga Peperiksaan di <http://lp.moe.gov.my>

Calon juga diingatkan supaya membawa **Dokumen Pengenalan Diri** dan **Pernyataan Pendaftaran Peperiksaan** ke pusat peperiksaan. Calon juga hendaklah mematuhi **Garis Panduan Pengurusan Pentaksiran Pusat dan Peperiksaan Awam** yang terkandung dalam **Garis Panduan Pengurusan**

dan Pengoperasian Sekolah Dalam Norma Baharu 2.0 dan prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan bagi memastikan kelancaran pengurusan peperiksaan serta mencegah penularan wabak COVID-19.

-TAMAT -

LEMBAGA PEPERIKSAAN

20 FEBRUARI 2021